

**AGENDA 5.1.2 (a): KEBERKESANAN PENUTUPAN AUDIT
PEMANTAUAN SEMAKAN 1 OLEH SIRIM
BAGI SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT**

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan ketetapan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang laporan keberkesanan penutupan audit pemantauan semakan 2 oleh SIRIM bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang telah diadakan pada tahun 2016.

Latar Belakang

2. Audit Pemantauan Semakan Kedua Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat oleh SIRIM telah dilaksana pada 31 Ogos 2016 (Semasa pendaftaran pelajar baharu pada Minggu Perkasa Putra) dan 29 hingga 30 September 2016. Sepanjang audit, seramai lima (5) orang Juruaudit telah terlibat iaitu Puan Nur Aisya Mohd Zamri (Ketua Juruaudit), Cik Noridah Yahya, Puan Sazlin Alias dan Cik Efizan Zamri. Skop pengauditan adalah seperti berikut:

- (a) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra;
- (b) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah; dan
- (c) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah.

3. Lokasi audit/sampel Pusat tanggungjawab (PTJ) yang terpilih semasa audit tersebut adalah sebagaimana **Jadual A**.

Jadual A: Lokasi audit/sampel Pusat tanggungjawab (PTJ) yang diaudit

Tarikh	Lokasi
31 Ogos 2016 (Minggu Perkasa Putra Semester Pertama Sesi 2016/2017)	Zon pendaftaran : 1. Zon 1 (Melibatkan pendaftaran Kolej Kedua, Kolej Tun Dr. Ismail, Kolej Canselor, Kolej Kelima, Kolej Keenam, Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah) 2. Zon 3 (Melibatkan pendaftaran Kolej Mohamed Rashid, Kolej Kedua Belas, Kolej Keempat Belas, Kolej Kelima Belas, Kolej Keenam Belas)
29 - 30 September 2016	1. Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik 2. Bahagian Keselamatan 3. Pusat Jaminan Kualiti (CQA) 4. Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi 5. Pusat Kesihatan Universiti 6. Pejabat Penasihat Undang-Undang 7. Pejabat Bursar 8. Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi

4. Hasil Audit Pemantauan Semakan 1, Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak menerima laporan ketakakuran (NCR), hanya menerima lapan (8) peluang penambahbaikan (OFI).

Keberkesanan Penutupan dan Pelaksanaan Penemuan Audit

5. Laporan penemuan OFI telah diedarkan kepada semua Peneraju yang terlibat pada 17 Oktober 2016 untuk mengambil tindakan. Pemantauan pelaksanaan tindakan OFI dilaksanakan secara berkala melalui emel dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ISO UPM.

6. Hasil pemantauan tindakan adalah sebagaimana **Lampiran**, manakala bukti pelaksanaan tindakan OFI akan disemak semula oleh pihak SIRIM pada Audit Pemantauan Semakan 2 yang akan diadakan pada 6 September dan 2 hingga 3 Oktober 2017.

Syor

7. Ahli MKSP UPM dimohon mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016 dan akan disemak semula pelaksanaan dan keberkesanan tindakan semasa Audit Badan Pensijilan tahun 2017.

Lampiran

**STATUS PELAKSANAAN TINDAKAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN (OFI) AUDIT SIRIM
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)**

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
OFI-1	6.1 Tindakan untuk Menangani Risiko dan Peluang	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	Semasa pendaftaran pelajar baharu, dicadang menambahbaik dari segi verifikasi dimana pelajar yang mendaftar adalah pelajar yang berkenaan bagi mengelak risiko bukan pelajar yang sebenar mendaftar	Melaksanakan verifikasi pelajar yang mendaftar menggunakan kad pengenalan pelajar di kaunter semakan (Kaunter 1) semasa Program Minggu Perkasa Putra Semester Petama Sesi 2016/2017 (Ambilan Kedua) pada 19 September 2016	SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 21/10/2016]
OFI-2	8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi A.8.2.2 Pelabelan Maklumat	Kolej Kediaman	Fail pelajar yang ditempatkan di kolej perlu dilihat kembali supaya dijaga mengikut prosedur yang sepatutnya	<ul style="list-style-type: none"> i. Fail maklumat peribadi pelajar tidak akan digunakan lagi mulai kemasukan pelajar baharu semester pertama sesi 2017/2018. ii. Pihak kolej akan menggunakan Borang Pengesahan Penerimaan dan Pemulangan Kunci seperti yang telah digunakan semasa pendaftaran Asasi Sains Pertanian yang telah diadakan pada 01 Jun 2017 	Kolej: Dalam Proses (tindakan pindaan dokumen belum dilaksana) [Maklumbalas dan bukti diterima pada 21/6/2017. Tarikh akhir pada 30/8/2017]

MKSP ISO UPM 2017 (QMS, ISMS & EMS)

AGENDA 5.1.2 (a): Keberkesanan Penutupan Audit SIRIM ISMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
OFI-3	8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi A.15.1.2 Menangani Keselamatan dalam Perjanjian Pembekal	1. Pusat Kesihatan Universiti 2. Pejabat Penasihat Undang-Undang	Keperluan kerahsiaan perlu diambil kira dalam penyediaan perjanjian perkhidmatan penyelenggaraan peralatan	i. PKU menyediakan surat iringan bagi setiap dokumen perjanjian yang melibatkan data pelanggan kepada pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang sebagai makluman bagi keperluan klausa kerahsiaan sekiranya perlu ii. PPUU menyediakan Senarai Semak MOU/MOA	PKU: SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 9/11/2016] PPUU: SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 4/11/2016]
OFI-4	6.1.3 (a) Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat	Pasukan Penilaian Risiko - Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC)	Salah satu risiko yang dikenalpasti semasa membuat penilaian risiko melalui aplikasi MyRAM tidak selaras seperti yang dilaporkan dalam MKSP	Semakan laporan MKSP oleh TWP ISMS bagi penyediaan laporan MKSP akan datang	Dalam Proses [Tarikh akhir pada 30/8/2017]

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
OFI-5	6.1.2 (c) Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat	1. Pasukan Penilaian Risiko - Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) 2. Pejabat Bursar 3. Bahagian Keselamatan	Penilaian risiko boleh disemak semula bagi memastikan semua aset yang terlibat termasuk komputer pengguna dinilai risikonya.	iDEC: Perbincangan Tindakan Kemaskini Laporan MyRAM BURSAR & BKU: Mengemaskini senarai aset (komputer) yang berisiko telah di dalam sistem MyRAM. <i>Detail Risk Assessment Report</i>	IDEC: SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 17/11/2016] P. BURSAR: SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 26/7/2017] BKU: Dalam Proses [Tarikh akhir pada 30/8/2017]
OFI-6	8.1 Perancangan dan Kawalan Operasi A.12.2.1 Kawalan Keatas Perisian Berbahaya (Malware)	1. Pejabat Bursar 2. Bahagian Keselamatan	Masih terdapat beberapa komputer pengguna belum dipasang antivirus	Permohonan kepada iDEC untuk mengemaskini dan <i>install</i> antivirus kesemua komputer	P. BURSAR: SELESAI [Maklumbalas dan bukti diterima pada 26/7/2017] BKU: Dalam Proses [Tarikh akhir pada 30/8/2017]

MKSP ISO UPM 2017 (QMS, ISMS & EMS)

AGENDA 5.1.2 (a): Keberkesanan Penutupan Audit SIRIM ISMS

No. OFI	Klausa	Pusat Tanggungjawab (PTJ) terlibat	Ringkasan OFI	Pelaksanaan Tindakan	Status Tindakan
OFI-7	A.17.1.1 Maklumat Pelan Kesinambungan Keselamatan	Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm)	Pelan Komunikasi Krisis yang dibangunkan boleh ditambahbaik kandungannya dengan memasukkan senarai staf dan nombor telefon yang boleh dihubungi semasa berlaku krisis	Mengemaskini Pelan Komunikasi Krisis Versi 3.0 dan mendapatkan pengesahan Naib Canselor	COSCOMM: SELESAI [Tarikh tindakan 14/11/2016)
OFI-8	A.17.1.3 Sah, Semak dan Nilai Maklumat Kesinambungan Keselamatan	Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm)	Pelan Pemulihan Bencana dan Laporan Pengujian Simulasi (DRP ICT) telah dibangunkan, walaubagaimanapun Borang Laporan Pelaksanaan Pemulihan untuk sistem aplikasi, pangkalan data dan rangkaian tidak dicatatkan masa sebenar yang diambil untuk pemulihan bencana	Mengadakan Mesyuarat Pasukan DRP ICT	COSCOMM & IDEC: COSCOMM: SELESAI [Tarikh tindakan 21/11/2016)